

29/11/1997

Industri eksport dibenar guna buruh

TOKYO, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mungkin membenarkan semula industri berintensif buruh jika operasinya menjurus kepada kegiatan eksport.

Malah, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membenarkan kemasukan lebih ramai pekerja asing secara berperingkat jika industri berintensif buruh itu memerlukannya.

"Kita sudah memutuskan untuk tidak meneruskan dasar tidak menggalakkan industri berintensif buruh, jika operasi industri berkenaan bertujuan untuk eksport," katanya berucap pada dialog dengan 36 tokoh perniagaan Jepun. Turut hadir, Penasihat Ekonomi kerajaan, Tun Daim Zainuddin dan Duta Besar Malaysia ke Jepun, Tan Sri H M Khatib.

Perdana Menteri tiba di sini malam tadi untuk lawatan kerja dua hari selepas menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada.

Sejak beberapa tahun lalu, kerajaan tidak menggalakkan kemasukan industri berintensif buruh kerana tidak mahu terlalu bergantung kepada pekerja asing.

Langkah membenarkan semula industri itu dilihat sebagai antara usaha negara meningkatkan pelaburan terus asing sebagai satu strategi menghadapi masalah ekonomi sekarang.

"Kita berpendapat boleh menguruskan masalah ekonomi sekarang. Bagaimanapun, kita memerlukan pelaburan asing jangka panjang yang produktif dengan segera," katanya.

Kelonggaran yang diberi kepada pelabur itu juga dipanjangkan kepada usaha untuk menarik lebih ramai pelancong Jepun ke Malaysia. Bagi menarik lebih ramai pelancong negara ini, Malaysia bersedia membenarkan lebih banyak firma pengendali pelancong Jepun beroperasi di Kuala Lumpur.

"Beberapa hotel di Malaysia dimiliki rakyat Jepun. Kita mendapati pelancong Jepun lebih memihak untuk menginap di hotel milik orang Jepun. Mereka juga lebih gemar kepada pemandu dan pengendali pelancong Jepun.

"Kita bersedia membenarkan lebih banyak firma pengendali Jepun beroperasi jika mereka mampu membawa lebih ramai atau memanjangkan tempoh lawatan pelancong di Malaysia," kata Perdana Menteri.

Selain memberi kelonggaran itu kepada pelabur dan pengendali pelancong Jepun, beliau berkata, kerajaan bersedia menimbangkan idea bagi meningkatkan pelaburan Jepun ke Malaysia.

Kini, walaupun negara menghadapi masalah mata wang dan mungkin menghadapi penurunan pertumbuhan ekonomi, masih wujud guna tenaga penuh di Malaysia.

"Justeru, kita mampu mengubah rupa bentuk ekonomi kita tanpa banyak kos kepada rakyat.

"Rakyat Malaysia berdisiplin dan mudah dilatih.

"Mereka tidak mudah mengambil tindakan liar yang boleh menjejaskan ekonomi.

"Mereka juga menyokong penuh kerajaan yang dilantik dengan majoriti besar.

"Malah, serangan terhadap ringgit dan tindakan tertentu yang ditujukan kepada pemimpin negara, menguatkan lagi perpaduan dan sokongan kepada kerajaan," katanya.

(END)